

Pendakwa Raya Iwn Shahidi bin Ali dan yang lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH
NO 45-34 TAHUN 2000

ZULKEFLI H

16 JANUARI 2001

Hukuman — Faktor peringanan — Tuduhan alternatif atas kesalahan membuat persediaan dengan niat untuk melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong — Tertuduh mengaku salah — Hujahan bahawa tertuduh tidak memainkan peranan yang penting — Sama ada hukuman harus dikurangkan — Kanun Keseksaaan s 122

Tertuduh telah mengaku salah kepada tuduhan alternatif atas kesalahan di bawah s 122 Kanun Keseksaaan iaitu telah membuat persediaan dengan niat untuk melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan denda. Peguam bagi pihak tertuduh berhujah agar hukuman ke atas tertuduh dikurangkan kerana tertuduh tidak memainkan peranan penting bagi peristiwa dalam kes ini.

Diputuskan, mengenakan hukuman penjara sepuluh tahun ke atas tertuduh:

- (1) Dalam menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh, mahkamah mengambil kira dan mengimbangi kepentingan awam dengan kepentingan tertuduh. Kesalahan di bawah pertuduhan alternatif yang dilakukan oleh tertuduh adalah masih merupakan satu kesalahan yang serius. Sungguhpun tertuduh bukan merupakan salah seorang daripada perancang-perancang utama atau ataupun yang boleh dianggap sebagai ketua atau pemimpin dalam kegiatan Pertubuhan Al-Ma'unah, peranan dan penglibatan tertuduh menunjukkan bahawa semasa melakukan kesalahan tertuduh sedar dan mempunyai niat untuk menentang, berperang dan seterusnya menggulingkan kerajaan yang memerintah dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang. Mahkamah mendapati bahawa tertuduh telah terlibat dalam membuat penyediaan yang rapi sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam merealisasikan misi Pertubuhan Al-Ma'unah (lihat ms 479F-H).
- (2) Mahkamah telah memberi diskaun atau pengurangan terhadap hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas tertuduh sungguhpun kesalahan yang dilakukan adalah serius. Sekiranya tertuduh tidak mengaku salah di atas pertuduhan alternatif tersebut dan di akhir serbincaraan di atas pertuduhan tersebut tertuduh disabitkan, mahkamah ini tidak akan teragak-agak menjatuhkan hukuman penjara yang lebih berat daripada tempoh sepuluh tahun (lihat ms 480G-H).

A [English summary]

The accused pleaded guilty to an alternative charge of an offence under s 122 of the Penal Code, namely, having made plans to declare war against the Yang di-Pertuan Agong, and may be sentenced to life imprisonment or a sentence not exceeding 20 years and may also be fined. Counsel for the accused pleaded that the sentence be reduced as the accused did not play an important role in the incident in this case.

B

Held, sentencing the accused to ten years imprisonment:

C

(1) In sentencing the accused, the court took into account and weighed public interest against the interest of the accused. The offence under the alternative charge committed by the accused is still a serious offence. Although the accused was not one of the masterminds or even regarded as the leader or head of the activities of the Al-Ma'unah Movement, his role and involvement show that when committing the offence the accused was aware and had the intention of dissenting, going to war against and subsequently overthrowing the government of the day using unlawful tactics. The court found that the accused was involved in making careful preparations either directly or indirectly in realizing the mission of the Al-Ma'unah Movement (see p 479F–H).

D**E**

(2) The court has given a discount or reduction of the sentence that can be meted out on the accused although the offence committed is a serious one. If the accused had not pleaded guilty on the alternative charge and at the end of the trial in which the accused was convicted of the said charge, the court will not think twice about imposing on him a sentence heavier than ten years (see p 480G–H.)

F**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai faktor peringanan hukuman, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 2838–2855.

G**Kes-kes yang dirujuk**

Lee Say & Ors v PP [1985] 2 CLJ 155 (dirujuk)

Lee Weng Tuck v PP [1989] 2 MLJ 143 (dirujuk)

H

Mcloughlin and Simpson [1979] 1 Cr App R 298 (dirujuk)

Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)

PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45 (dirujuk)

PP v Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 (dirujuk)

I**Undang-undang yang dirujuk**

Kanun Keseksaan ss 121, 122

Tan Sri Mohtar bin Abdullah (Dato' Gani Patail, Mohd Yusuf bin Zainal Abidin, Tun Abdul Majid bin Tun Hamzah, Sallehudin bin Saidin, Asmah bte Musa dan Fatnin bte Yusuf bersama beliau) bagi pihak pendakwaan.

Zabidi bin Mohamed (Bhagwan Singh (Bhagwan Singh) bersama beliau) (Zabidi & Co) bagi pihak tertuduh.

Abdul Kadir Musa H. : Tertuduh, Shahidi bin Ali ('OKT') pada asalnya telah dikenakan pertuduhan utama iaitu melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong di bawah s 121 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama di mana OKT jika disabit kesalahan hendaklah dikenakan hukuman mati, atau penjara seumur hidup dan jika tidak dikenakan hukuman mati boleh juga dikenakan denda. OKT di atas pertuduhan utama tersebut telah dituduh bersama-sama dengan dua puluh lapan orang OKT-OKT yang lain di mana mereka semua termasuk OKT sebagai OKT 7 minta dibicarakan. Setelah perbicaraan kes ini berjalan lancar di mana 56 orang saksi-saksi pihak pendakwaan telah memberi keterangan dan tidak kurang daripada 150 ekshibit-ekshibit kes telah dikemukakan, Yang Berhormat Peguam Negara bagi pihak pendakwaan di atas representasi yang dibuat oleh tertuduh-tertuduh ('OKT-OKT') untuk mengurangkan pertuduhan dalam kes ini telah mengemukakan suatu pertuduhan alternatif kepada pertuduhan utama ke atas 14 orang OKT-OKT termasuk OKT, Shahidi bin Ali. Pertuduhan alternatif yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadap OKT adalah seperti berikut:

Bahawa kamu semua dari bulan April hingga Julai 2000 di beberapa tempat di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu:

- (a) Pos 2, Km 19, Kuala Rhui, Jalanraya Timur Barat, Grik, Hulu Perak;
- (b) Batalion 304 Infantri (AW), Kem Grik, Grik, Hulu Perak;
- (c) Bukit Jenalik, Kemajuan Tanah Ngor, Sauk, Mukim Cegar Galah, Daerah Kuala Kangsar,

telah membuat persediaan dengan niat untuk melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 122 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

Pertuduhan alternatif ini telah dibaca dan dijelaskan kepada OKT dan OKT memahaminya. OKT memilih untuk mengaku salah terhadap pertuduhan alternatif tersebut. Mahkamah ini telah menjelaskan kepada OKT akan akibat pengakuan salahnya bahawa beliau boleh disabitkan dan dihukum mengikut undang-undang dan OKT faham. Mengikut hukuman di bawah s 122 Kanun Keseksaan OKT boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 20 tahun dan juga boleh dikenakan denda.

Fakta-fakta kes

Timbalan Pendakwa Raya, Encik Sallehudin kemudian mengemukakan pernyataan fakta-fakta kes berhubung dengan pertuduhan alternatif tersebut yang dikemukakan sebagai eksh P163. Fakta-fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

- A** (1) OKT ini adalah merupakan anggota Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah (selepas ini disebut 'Al-Ma'unah'). Pertubuhan Al-Ma'unah ini ditubuhkan pada asalnya untuk tujuan perubatan, persilatan dan mempelajari ilmu agama. Pada awal tahun 2000 arah tujuan Pertubuhan Al-Ma'unah ini telah berubah. Kecenderungan matlamat mereka kini ialah untuk mengujudkan satu kerajaan yang mentadbirkan negara menurut undang-undang Islam berasaskan Al-Quran. Ahli-ahli Al-Ma'unah ini mula didedahkan kepada bahan bacaan dan ceramah berkaitan jihad. Mereka bertekad jika kerajaan yang memerintah tidak setuju dengan matlamat dan niat mereka, mereka bersedia untuk menggunakan kekerasan termasuk melakukan pembunuhan. Mereka juga telah mempelawa ahli-ahli baru melalui akhbar dan internet.
- B**
- C** (2) Anggota Pertubuhan Al-Ma'unah ini telah memainkan peranan masing-masing di dalam melaksanakan misi utama mereka iaitu untuk menggulingkan kerajaan yang sedia ada dengan cara kekerasan yang bertentangan dengan Perlembagaan. Setiap seorang daripada mereka menyedari dan mempunyai pengetahuan mengenai niat dan hasrat melaksanakan misi mereka ini di bawah arahan ketua mereka.
- D** (3) Sebelum bulan Julai 2000, anggota Pertubuhan Al-Ma'unah ini telah terlibat di dalam membuat penyediaan yang rapi samada secara langsung atau tidak langsung di dalam merealisasikan misi mereka ini dengan cara melakukan perkara-perkara berikut:
- E** (a) mendapat dan mengumpulkan bekalan makanan bagi maksud dibawa ke pengkalan di Bukit Jenalik, Sauk, Kuala Kangsar. Bekalan makanan ini adalah bagi mempertahankan pengkalan mereka untuk satu jangkamasa lebih kurang tiga minggu.
- F** (b) bagi melaksanakan misi utama mereka, mereka telah mendapatkan bekalan pakaian celoreng tentera dari pelbagai tempat dan telah mendapatkan tiga kenderaan Pajero. Di samping itu mereka telah menyewa sebuah rumah pada 25 Jun 2000 di Kati, Kuala Kangsar bagi tujuan dijadikan pusat penempatan sementara kumpulan ini sebelum bergerak ke kubu utama di Bukit Jenalik. Rumah ini juga dijadikan tempat bagi mereka untuk mengecat tiga kenderaan Pajero dengan warna hijau tentera dan memasang nombor pendaftaran tentera yang palsu.
- G** (c) mengumpul senjata-senjata seperti parang, cross bow dan sebagainya bagi maksud melaksanakan misi mereka.
- H** (d) telah mengambil bahagian di dalam latihan-latihan ala tentera yang telah diadakan di pusat latihan kumpulan ini di Kelang, Selangor. Latihan-latihan yang diadakan ini adalah semata-mata bertujuan bagi mempersiapkan diri secara fizikal dan melengkapkan diri dengan kemahiran di dalam penggunaan pelbagai senjata bagi maksud melaksanakan misi mereka menentang pihak kerajaan dan pasukan keselamatan.
- I** (4) Setelah memilih Bukit Jenalik sebagai pengkalan mereka, pada awal pagi 2 Julai 2000 seramai 20 orang anggota Al-Ma'unah termasuk OKT ini, telah memasuki ke Pos 2 tentera di Kuala Rui dan Kem 304 tentera di Grik dengan menggunakan tiga buah Pajero dan merampas kelengkapan tentera seperti berikut:
- (i) M16 sebanyak 97 unit,
 - (ii) GPMG sebanyak 4 unit,
 - (iii) LMG sebanyak 6 unit,
 - (iv) M203 sebanyak 5 unit,

- (v) AUG Styer sebanyak 2 unit, A
 (vi) Kelopak M16 sebanyak 182 unit,
 (vii) Bayonet sebanyak 26 unit,
 (viii) Pouches sebanyak 10 unit,
 (ix) Belt sebanyak 6 unit,
 (x) Strap shoulder sebanyak 6 unit,
 (xi) laras tambahan GPMG sebanyak 4 unit, B
 (xii) laras tambahan LMG sebanyak 3 unit,
 (xiii) kampak pencuci GPMG sebanyak 4 unit,
 (xiv) kaki tripod GPMG sebanyak 5 unit.
 (xv) peluru iaitu - 5.56 mm sebanyak 9095 butir
 - 7.62 mm link belt sebanyak 7000 butir
 - 40 mm sebanyak 60 butir
 - 9 mm sebanyak 1750 butir C
 - 7.62 mm tracer sebanyak 105 butir.
 (xvi) flare para red sebanyak 4 unit
 (xvii) flare trip wire sebanyak 36 unit.
- Mereka bertindak dengan cara menyamar sebagai tentera dengan memakai pakaian celoreng tentera. Sebahagian mereka juga telah menyamar sebagai pegawai tentera dan telah memperdayakan anggota tentera di kedua-dua kem ini kononnya satu pemeriksaan mengejut terhadap senjata api sedang dijalankan. Dengan menggunakan tiga buah Pajero yang telah mereka catkan warna hijau tentera sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini mereka telah bertindak merampas senjata-senjata api pelbagai jenis, ribuan peluru kepada senjata-senjata ini, alat-alat perhubungan dan pelbagai lagi alat ketenteraan. OKT dan anggota yang lain kemudiannya telah diberikan satu laras senjata yang dirampas ini untuk digunakan bagi maksud misi mereka. D
- (5) Di Bukit Jenalik OKT dan anggota-anggota yang lain juga telah diajar cara-cara penggunaan senjata-senjata yang dirampas ini oleh ahli kumpulan yang mahir di dalam penggunaan senjata ini. Semasa di kubu utama mereka di Bukit Jenalik, mereka telah berlatih menembak dengan menggunakan pelbagai senjata yang dirampas ini. E
- (6) Tidak cukup dengan keanggotaan ahli-ahli kumpulan mereka, mereka telah mengajak anggota tentera untuk bergabung bersama mereka bagi melaksanakan misi mereka ini. Ajakan ini telah dilakukan dengan cara berhubung dengan pihak tentera melalui radio set yang telah mereka rampas. Walaubagaimanapun pihak tentera telah enggan bekerjasama. F
- (7) Mereka telah menyediakan pengkalan mereka di Bukit Jenalik agar menjadi kubu pertahanan yang boleh menangkis serangan terhadap mereka. Terdapat kubu-kubu yang telah digali hampir di semua tempat strategik pengkalan mereka dan di lubang kubu tersebut juga telah ditempatkan senjata GPMG yang telah dirampas dalam keadaan bersiap sedia di atas tripod untuk digunakan. Kubu utama kumpulan ini juga telah dipilih berdasarkan kepada kesesuaian kedudukannya dari segi keperluan asas seperti sungai, kemahiran anggota kumpulan ini terhadap setiap inci kawasan tersebut dan kedudukannya yang berada di satu kawasan bukit yang boleh melihat dengan jelas kawasan di sekelilingnya. G
- (8) Mereka juga telah bertindak menangkap empat orang terdiri dari anggota tentera, polis dan orang awam yang mana kemudiannya dua orang dari mereka iaitu seorang anggota polis dan seorang lagi anggota tentera telah ditembak mati. H
- I

- A (9) Hasrat OKT dan anggota Pertubuhan Al-Ma'unah ini untuk menggulingkan kerajaan yang memerintah terbukti melalui perhubungan yang dibuat dengan pihak tentera melalui radio set pada 3 Julai 2000 dan 4 Julai 2000. Antara perkara yang disebutkan adalah 'Mujahidin Malaysia, mengepong Kuala Lumpur sekiranya tuntutan tidak dipenuhi, PM 24 jam letak jawatan'. Terdapat juga perkataan-perkataan 'Kami hanya mahu pulun anggota polis dan PM'. Tujuan misi mereka adalah untuk menggulingkan kerajaan yang sedia ada dengan kekerasan dan bersedia untuk menyerang bandaraya Kuala Lumpur serta tempat-tempat maksiat di dalam jangka waktu terdekat.
- B

- C (10) Selepas rampasan senjata di Grik dan Kuala Rui, beberapa orang dari ahli Pertubuhan Al-Ma'unah ini telah pergi ke kilang Carlsberg di Shah Alam, Selangor, kuil di Batu Caves, Selangor dan Guinness Anchor Bhd di Jalan Kelang Lama, Petaling Jaya, Selangor bagi melakukan tembakan menggunakan senjata M203. Di dalam kejadian tembakan di kilang Carlsberg di Shah Alam OKT turut sama berada di tempat tersebut di samping berada di tempat tembakan yang dibuat di kuil Batu Caves dan Guinness Anchor Bhd, Jalan Kelang Lama, Petaling Jaya.

- D Setelah timbalan pendakwa raya membaca dan mengemukakan fakta-fakta kes mahkamah ini telah bertanya OKT sama ada menerima dan menyetujuinya. OKT sekali lagi ditanya sama ada beliau mengekalkan pengakuan salahnya. Mahkamah ini setelah menentukan dan berpuas hati bahawa OKT menerima fakta-fakta kes serta memahami dan menerima akibat dan bentuk pengakuan salahnya, telah merekodkan pengakuan salah dan mensabitkan OKT. Kaedah bahawa pengakuan salah orang yang kena tuduh hendaklah tanpa ragu-ragu dan penerimaan fakta kes olehnya hendaklah tanpa syarat seperti yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Agong dalam kes *Lee Weng Tuck v PP* [1989] 2 MLJ 143 telah dipatuhi.
- E

Rayuan meringankan hukuman oleh OKT

- F Encik Zabidi bin Mohamed, peguam yang mewakili OKT berhujah melalui hujah bertulisnya ke atas rayuan meringankan hukuman dan menyatakan seperti berikut:

- G Shahidi bin Ali kini berumur 30 tahun adalah seorang usahawan muda, berwawasan dan bercita-cita tinggi untuk merealisasikan agenda pembangunan ekonomi bangsa Melayu seperti mana yang digalakkan dan diwarwarkan oleh pihak kerajaan yang mahu melihat kaum bumiputra Melayu yang beragama Islam maju dalam bidang keusahawanan.

- H Beliau yang merupakan pelajar lepasan UiTM dan bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara Kuala Terengganu, walaupun mampu bekerja dengan gaji yang lumayan di sektor swasta atau kerajaan, namun memilih untuk berniaga sendiri. Dengan sokongan moral dan kewangan daripada keluarganya yang banyak terlibat dalam bidang perniagaan, beliau pada sekitar April 2000 telah melibatkan diri dalam perniagaan franchais melalui syarikat Pubel Putrajaya Sdn Bhd di mana urus niaga utama sistem franchais ini ialah mencari tenaga-tenaga dari kalangan anak-anak muda Melayu yang terpinggir atau 'drop-out' untuk diberi latihan serta kemahiran di kilang-kilang di seluruh Terengganu. Sumbangan usahawan muda ini Shahidi bin Ali walaupun mungkin terlalu kecil tetapi cukup bermakna dan besar sumbangannya kepada kemakmuran negara serta dapat membantu meningkatkan kemahiran anak bangsa yang mahu dibimbing dan
- I

dipimpinnya. Bagi tujuan tersebut Shahidi bin Ali tidak pernah mengambil kesempatan meracuni pekerja-pekerja mahir ini melakukan perkara-perkara jahat atau jenayah yang boleh menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang di negara ini.

Shahidi bin Ali menyertai kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah ini adalah semata-mata kerana mahu mendalami ilmu agama dan ilmu perubatan yang beliau percaya dapat dimanfaatkan untuk membantu mana-mana masyarakat yang menghadapi penyakit berat dan yang sukar diubati. Menyedari bahawa kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah ini adalah sebuah pertubuhan yang didaftarkan secara sah di sisi undang-undang, Shahidi bin Ali mula mendaftarkan diri secara rasmi sebagai anggota Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah pada sekitar bulan April 1999. Tidak pernah terfikir olehnya bahawa pertubuhan yang didaftarkan secara sah ini, lebih-lebih lagi aktiviti persilatan kumpulan ini yang kerap disiarkan dalam beberapa buah majalah di tanah air, akan terlibat dalam satu tragedi dan peristiwa hitam yang tidak akan dapat dilupakan dalam sejarah hidupnya.

Shahidi bin Ali sebelum dan selepas mendaftarkan diri sebagai ahli Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah, pada setiap masa dan ketika beranggapan bahawa sesuai dengan nama yang diguna pakai oleh pertubuhan itu iaitu 'Al-Ma'unah' yang membawa maksud 'bantuan hasil ketaqwaan yang dianugerahkan oleh Allah kepada individu-individu yang bertaraf orang Soleh' adalah sebuah pertubuhan yang datang ke tengah masyarakat untuk membawa kebaikan kepada umat manusia. Ini sesuai dengan motto yang menjadi falsafah kepada pertubuhan tersebut iaitu 'Berilmu, Beramal, Beriman dan Bertaqwa'. Objektif awal kumpulan ini secara bertulis digambarkan dan difahami oleh Shahidi bin Ali adalah seperti berikut (seperti dipaparkan dalam laman web kumpulan tersebut):

- (a) to promote positive relationship and build a sense of brotherhood among all muslim and mankind;
- (b) to gain the respect for Islamic martial art in the region and the world;
- (c) to carry out voluntary and welfare work and to assist fellow mankind where possible;
- (d) to maintain self dignity and to uphold the respect of the Malay people and Islamic religion; and
- (e) to protect one's property, his family especially and the society in general.

Siapa saja di kalangan umat Islam di Malaysia ini termasuk Shahidi bin Ali, apabila membaca motto dan philosophy kumpulan ini akan menyifatkan pertubuhan ini adalah sebuah pertubuhan yang ikhlas dalam mengejar keredhaan Allah dan bukan diwujudkan bagi tujuan melakukan jenayah atau apa-apa perbuatan yang boleh membawa kepada pelanggaran undang-undang di negara ini. Lebih-lebih lagi aktiviti persilatan kumpulan ini sebelum kejadian di Bukit Jenalik dibuat secara terbuka. Malah dari tarikh pertubuhan ini ditubuhkan iaitu pada sekitar tahun 1998 aktiviti persilatan kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah ini tidak pernah mendapat apa-apa tentangan daripada mana-mana pihak berkuasa Agama di negara ini. Kumpulan Persaudaraan Al-Ma'unah ini sehingga ke hari ini pun, tidak diletakkan di bawah kategori ajaran sesat.

Shahidi bin Ali baru sahaja berkahwin pada 24 Mei 1999 yang lalu dan kini mempunyai seorang anak lelaki berumur tujuh bulan dan isterinya kini sedang menuntut dalam tahun tiga di Fakulti Perubatan di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam. Shahidi bin Ali merayu budi bicara

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A** mahkamah ini agar hukuman yang bakal dijatuhkan nanti janganlah terlalu berat hingga memberi kesan langsung kepada isterinya yang masih belajar. Shahidi bin Ali bersedia menerima apa juga hukuman yang bakal dijatuhkan oleh mahkamah yang mulia ini tapi Shahidi bin Ali berharap hukuman yang berat itu nanti tidaklah sampai akan menjejaskan pembelajaran dan masa depan isterinya.
- B** Berkait dengan kenyataan oleh pihak pendakwa dalam fakta kes yang dikemukakan mengenai kejadian di kilang Carlsberg Shah Alam, di Kuil Batu Caves dan di kilang Guinness Anchor Bhd, penglibatannya Shahidi bin Ali hanyalah setakat 'spectator' sahaja dalam kejadian tersebut.
- C** Shahidi bin Ali merayu agar keterangan di mahkamah setakat yang ada hari ini diambil kira dalam mahkamah yang mulia ini menjatuhkan hukuman ke atas dirinya. Shahidi bin Ali telah benar-benar insaf dan bertaubat atas apa yang telah berlaku dan memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengenal agama atas kejadian yang telah berlaku ini. Shahidi bin Ali juga tidak pernah mempunyai apa-apa rekod jenayah sebelum ini.
- D** Peguam, Encik Bhagwan Singh juga telah berhujah bagi pihak OKT agar hukuman ke atasnya diringankan. Peguam menyatakan bahawa OKT tidak memainkan peranan yang penting bagi peristiwa dalam kes ini. Kegiatan-kegiatan ketua-ketua Kumpulan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'uanah adalah tidak diketahui oleh OKT. OKT dikatakan telah bersedia untuk mengaku salah jika pihak pendakwaan mengurangkan pertuduhan pada peringkat awal lagi sebelum perbicaraan dimulakan. OKT telah sedar akan kesilapannya dan telah insaf. Peguam bagi pihak OKT meminta mahkamah ini mengimbangi kepentingan awam dengan kepentingan OKT dalam menjatuhkan hukuman yang setimpal ke atasnya.
- E**

Hujah balas pihak pendakwaan

- F** Yang Berhormat Peguam Negara bagi pihak pendakwaan dalam hujah balasnya menyatakan bahawa mahkamah ini perlu menimbangkan semua fakta-fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang diakui betul oleh OKT supaya mahkamah dapat mencapai suatu keputusan yang tepat dan adil. Pihak pendakwaan merayu agar mahkamah dapat meneliti peranan yang dimainkan oleh OKT sebagaimana yang dinyatakan dalam fakta-fakta kes terhadap OKT. Hukuman yang bakal dijatuhkan perlu mengambil kira kepentingan awam dan setimpal dengan perbuatan yang dilakukan oleh OKT. Pihak pendakwaan bersetuju bahawa rayuan OKT ini ada menunjukkan keinsafan di atas kesalahan yang dilakukan. Oleh itu pihak pendakwaan berpendapat bahawa hukuman maksima penjara seumur hidup tidaklah wajar dijatuhkan dalam keadaan kes ini. Berkenaan dengan tempoh hukuman yang patut dijatuhkan pihak pendakwaan menyerahkan kepada budi bicara mahkamah ini. Peguam OKT telah membuat permohonan kepada pihak Pendakwa Raya untuk dikurangkan pertuduhan terhadap anak guamnya. Di atas budi bicara dan belas ehsan pihak Pendakwa Raya pertuduhan alternatif ini dikemukakan kepada mahkamah. Di atas pengakuan salah OKT ini kepada pertuduhan alternatif OKT pada pandangan pihak Pendakwa Raya boleh diberi hukuman yang lebih ringan jika dibandingkan dengan hukuman yang patut dijatuhkan di akhir perbicaraan.
- G**
- H**
- I**

Keputusan

OKT telah memilih untuk mengaku salah ke atas pertuduhan alternatif yang dikenakan ke atasnya di mana mengikut peruntukan s 122 Kanun Keseksaan ianya menetapkan hukuman seperti berikut:

Whoever collects or attempts to collect men, arms or ammunition or otherwise prepares to wage war with the intention of either waging or being prepared to wage war against the Yang di-Pertuan Agong or any of the Rulers or the Yang di-Pertua Negeri or abets the waging or the preparation of such war, shall be punished with imprisonment for life or imprisonment for a term not exceeding twenty years, and, shall also be liable to fine.

Seksyen ini seperti lain-lain peruntukan di bawah Kanun Keseksaan memberi mahkamah suatu budi bicara yang luas untuk menentukan suatu bentuk hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas seseorang yang didapati bersalah. Walau bagaimanapun budi bicara yang luas ini hendaklah dilaksanakan oleh mahkamah secara kehakiman. Mahkamah hendaklah bertindak mengikut amalan-amalan penghukuman yang relevan. Dalam hal ini saya amat menyedari bahawa suatu prinsip penghukuman yang penting diambil kira ialah aspek dari segi kepentingan awam. Yang Arif Hakim Hashim Yeop Sani (beliau pada masa itu) dalam kes *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 di halaman 257 antara lain menyatakan seperti berikut:

One of the main consideration in the assessment of sentence is of course the question of public interest.

Yang Arif Hakim Eusoffe Abdoolcader (beliau pada masa itu) dalam kes *PP v Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186 di halaman 187 antara lain mengatakan seperti berikut:

In sentencing generally the public interest must necessarily be one of the prime considerations ... public interest shall never be relegated to the background and must of necessity assume foremost importance.

Saya berpendapat manakala kepentingan awam merupakan faktor yang penting dalam prinsip-prinsip penghukuman terdapat juga faktor-faktor lain di mana mahkamah perlu memberi pertimbangan dalam menjatuhkan suatu hukuman yang setimpal. Di antara faktor-faktor lain tersebut adalah kepentingan peribadi OKT, pengakuan salah OKT serta cara dan keadaan bagaimana kesalahan yang berkenaan dilakukan. Bagi kes di hadapan saya sekarang suatu pertimbangan yang juga penting dan relevan diambil kira ialah sama ada diskaun atau pengurangan terhadap tempoh hukuman penjara boleh diberi kepada orang yang kena tuduh apabila ianya membuat pengakuan salah.

Adalah menjadi suatu kaedah atau amalan yang diterima oleh mahkamah apabila orang yang kena tuduh mengaku salah ianya layak diberi diskaun atau pengurangan terhadap tempoh hukuman penjara yang boleh dijatuhkan ke atasnya. Visu Sinnadurai H dalam kes *PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 telah menyatakan bahawa diskaun atau pengurangan terhadap tempoh hukuman penjara yang boleh dijatuhkan ke atas orang yang mengaku salah bukanlah berasaskan hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi adalah berasaskan suatu hukuman

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A yang mahkamah berpendapat akan dikenakan ke atas orang yang kena tuduh jika ianya minta dibicarakan dan di akhir perbicaraan didapati bersalah dan disabitkan. Amalan memberi diskaun ini telahpun sebelum itu diterima pakai oleh Mahkamah Agong dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 di mana telah diputuskan bahawa di atas pengakuan salah orang yang kena tuduh ianya adalah berhak untuk
- B mendapat diskaun di antara satu perempat hingga satu pertiga daripada hukuman yang boleh dikenakan.

- Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa kaedah memberi diskaun atau kredit apabila OKT mengaku salah ini bukanlah suatu keadah yang semestinya diterima pakai. Mahkamah dalam sesuatu kes yang tertentu dan berasaskan fakta kes tersebut dalam melaksanakan budi bicaranya boleh menolak memberi diskaun. Dalam kes *Lee Say & Ors v PP* [1985] 2 CLJ 155 mahkamah dalam kes tersebut telah tidak memberi diskaun kepada orang yang kena tuduh yang mengaku salah kerana dalam kes tersebut didapati orang yang kena tuduh telah menggunakan senjata api apabila melakukan kesalahan. Dalam kes *McLoughlin and Simpson* [1979] 1 Cr App R 298 Mahkamah Rayuan Inggeris tersebut apabila enggan membenarkan pengurangan hukuman penjara 15 tahun yang dijatuhkan ke atas dua orang yang kena tuduh yang mempunyai rekod jenayah yang buruk dan yang telah memecah masuk ke pangsapuri kepunyaan seorang wanita lalu mengugut dengan pisau dan merogol wanita tersebut di antara lain telah menyatakan seperti berikut:

- E
- But this is an unusual case, and in the circumstances although there was a plea of guilty, it seems to us that it would not be right to interfere in any way on that ground [of granting a discount] with the sentences which were passed.

- F Setelah mengkaji fakta-fakta kes ini serta rayuan meringankan hukuman oleh OKT dan dengan menerima pakai prinsip-prinsip penghukuman yang telah saya huraikan sebelum ini, saya dengan ini menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun terhadap OKT yang telah mengaku salah terhadap pertuduhan alternatif tersebut. Hukuman penjara ke atas OKT hendaklah bermula dari tarikh OKT ditangkap. Dalam menjatuhkan hukuman ini saya telah mengambil kira dan mengimbangi kepentingan awam dengan kepentingan OKT. Saya berpendapat kesalahan di bawah pertuduhan alternatif yang telah dilakukan oleh OKT adalah masih merupakan salah seorang daripada perancang-perancang utama ataupun yang boleh dianggap sebagai ketua atau pemimpin dalam kegiatan Pertubuhan Al-Ma'unah ini peranan dan penglibatan OKT menunjukkan bahawa semasa melakukan kesalahan
- H OKT sedar dan mempunyai niat untuk menentang, berperang dan seterusnya menggulingkan kerajaan yang memerintah pada ketika ini dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang. Saya mendapati bahawa OKT telah terlibat dalam membuat penyediaan yang rapi sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam merealisasikan misi Pertubuhan Al-Ma'unah ini untuk menggulingkan kerajaan. OKT telah terlibat dalam
- I kumpulan anggota Al-Ma'unah yang telah memasuki ke Pos 2 tentera di Kuala Rhui dan Kem 304 tentera di Grik dengan menggunakan 3 buah kenderaan Pajero dan merampas dengan banyaknya beberapa jenis senjata

berat dan kelengkapan tentera. OKT dan anggota-anggota Pertubuhan Al-Ma'unah yang lain telah bertindak dengan cara menyamar sebagai tentera dengan memakai pakaian celoreng tentera. OKT dan anggota Al-Ma'unah tersebut juga telah diberikan satu laras senjata yang dirampas untuk digunakan bagi maksud misi mereka. Di Bukit Jenalik OKT dan anggota Pertubuhan Al-Ma'unah yang lain telah diajar dan berlatih menembak dengan menggunakan pelbagai senjata yang dirampas tersebut. Semasa berada di kubu utama di Bukit Jenalik OKT telah bersama-sama dalam kumpulan Pertubuhan Al-Ma'unah tersebut bertindak menangkap 4 orang yang terdiri dari anggota tentera, polis dan orang awam yang mana kemudiannya dua orang dari mereka iaitu seorang anggota polis dan seorang lagi anggota tentera telah ditembak mati. Selepas rampasan senjata di Kuala Rhui dan di Grik beberapa orang dari anggota Pertubuhan Al-Ma'unah ini telah pergi ke kilang Carlsberg di Shah Alam, Selangor, ke Kuil di Batu Caves Selangor dan ke Guinness Anchor Berhad di Jalan Kelang Lama, Petaling Jaya, Selangor bagi melakukan tembakan menggunakan senjata M203. OKT sendiri telah berada di tempat tembakan dibuat di kilang Carlsberg, di Kuil Batu Caves dan di Guinness Anchor Berhad tersebut. Dalam hal yang sedemikian adalah tidak dapat digambarkan betapa seriusnya kegiatan yang telah dijalankan oleh anggota Pertubuhan Al-Ma'unah ini di mana OKT turut terlibat bersama. Kegiatan anggota Pertubuhan Al-Ma'unah ini telah mengejutkan seluruh rakyat di Negara ini di mana ianya boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam jika tidak pantas ditangani oleh pasukan polis dan tentera yang telah terpaksa menjalankan tugas mereka dengan berhati-hati. Saya tidak dapat bayangkan bagaimana keadaan dalam Negara kita yang berbilang bangsa dan agama akan berada jika kegiatan dan misi Pertubuhan Al-Ma'unah ini tidak dapat dibendung dan dipatahkan oleh anggota pasukan keselamatan kita.

Dalam melakukan kesalahan dalam kes ini saya tidak nampak daripada fakta-fakta kes ini peranan yang boleh dianggap telah dimainkan oleh OKT Shahidi bin Ali secara berbeza-beza iaitu sama ada kecil atau besar jika dibandingkan dengan peranan OKT-OKT yang lain yang telah mengaku salah kepada pertuduhan alternatif ini. Saya mendapati kesemua OKT-OKT yang telah mengaku salah kepada pertuduhan alternatif ini telah bersama-sama memainkan peranan masing-masing untuk memenuhi misi Pertubuhan Al-Ma'unah tersebut. Atas alasan ini, saya menjatuhkan tempoh hukuman penjara yang sama bagi kesemua OKT-OKT yang telah mengaku salah ini. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa saya telah memberi diskaun atau pengurangan terhadap hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas OKT sungguhpun kesalahan yang dilakukan adalah serius. Sekiranya OKT tidak mengaku salah di atas pertuduhan alternatif tersebut dan di akhir perbicaraan di atas pertuduhan tersebut OKT disabitkan, mahkamah ini tidak akan teragak-agak menjatuhkan hukuman penjara yang lebih berat daripada tempoh sepuluh tahun yang telah saya jatuhkan ke atas OKT.

Hukuman penjara sepuluh tahun dikenakan ke atas tertuduh.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar